KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

Sindiket bitcoin rasuah pekerja TNB

Permudah melombong mata wang digital guna sambungan elektrik haram

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my



Azam menunjukkan sebahagian barang mesin melombong bitcoin pada sidang media Op Power, semalam. Turut kelihatan, Baharin (kanan) dan Abdul Razib. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membongkar kegiatan sindiket yang merasuah kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memudahkan mereka melombong bitcoin menggunakan sambungan elektrik secara haram.

Sindiket didalangi 18 individu berusia antara 30 hingga 60 tahun itu dikatakan menyalurkan wang rasuah antara RM3,000 hingga RM300,000 sebagai 'wang pelincir' sama ada secara tunai atau melalui pindahan mata wang kripto.

Malah, seorang daripada ahli sindiket terbabit dikatakan mengawal sehingga 500 premis perlombongan bitcoin yang akan berunding dengan pegawai TNB ketika operasi dijalankan di premis mereka.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata sindiket beroperasi sejak 2018 itu dikesan terbabit 7,209 kes yang menyebabkan kerugian RM2.3 bilion.

"Selain 2,311 kes di Selangor, katanya kegiatan mereka turut dikesan di Perak dengan 1,349 kes), Kuala Lumpur (732), Johor (723), Negeri Sembilan (599), Kedah (481), Pulau Pinang (344) dan Pahang (288)," katanya ketika sidang media Op Power, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Abdul Razib Dawood.

Mengulas operasi terbabit, beliau berkata pihaknya dengan kerjasama TNB menahan 18 lelaki, termasuk dalang utama kegiatan itu dalam operasi dijalankan serentak di beberapa negeri, kelmarin.

Hasil serbuan, katanya wang rasuah berjumlah RM2.37 juta membabitkan 998 premis dan wang tunai RM281,180 dirampas, selain 126 akaun bank bernilai RM4.47 juta dibekukan membabitkan 97 individu serta 29 syarikat.

"Kita turut menyita 1,157 mesin bitcoin bernilai RM2.31 juta (anggaran setiap mesin RM2,000), e-dompet RM82,000, mata wang kripto dolar Amerika Syarikat (AS$) 25,893.46, lima kereta jenis BMW, Honda Accord, Toyota Vellfire, Ford Ranger dan Audi serta pelbagai barang kemas seperti rantai, gelang dan cincin.

"Dalam operasi semalam (kelmarin) kita sepatutnya menahan 23 orang, tetapi lima daripadanya positif COVID-19," katanya.

Mengulas modus operndi mereka, Azam berkata, sindiket bitcoin terbabit menggunakan mesin terkini dan dibeli dari China yang dibawa masuk melalui Pelabuhan Klang dengan diisytihar sebagai peralatan teknologi maklumat (IT).

"Aktiviti mencuri bekalan elektrik pula menggunakan alat khas atau penebat elektrik secara terus, selain secara 'tapping' (mencuri) bekalan elektrik pengguna lain bagi mengurangkan jumlah penggunaan elektrik bulanan," katanya

7,209
kes dikesan menyebabkan kerugian RM2.3 bilion

RM2.37j
jumlah wang rasuah

126
akaun bank dibekukan

Beliau berkata, kegiatan melombong bitcoin secara haram mengakibatkan kerugian kepada kerajaan khususnya TNB dan akhirnya ditanggung rakyat.

"Kegiatan itu juga menjejaskan bekalan atau arus elektrik kepada fasiliti kritikal seperti klinik, hospital dan pusat rawatan dialisis yang mengganggu operasi berkenaan.

"Risiko kerosakan perkakas elektrik dan kebakaran premis juga boleh berlaku susulan aktiviti perlombongan bitcoin itu, selain pemilik premis teraniaya kerana menanggung segala tuntutan dan tindakan dikenakan TNB hasil aktiviti ini," katanya.